

Tabung Wakaf Mara Madani RM1 bilion

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan bakal mewujudkan Tabung Wakaf Mara Madani dengan sasaran dana berjumlah RM1 bilion dalam tempoh dua tahun dengan diterajui oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Usaha itu antara tujuh inisiatif baharu bagi memperkasa ekonomi bumiputera yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada majlis penutup Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) di sini, semalam.

Anwar berkata, Tabung Wakaf Mara Madani itu akan dilaksanakan oleh Yayasan Pelajaran Mara dan dijangka memberi manfaat kepada 70.1 peratus rakyat bumiputera.

“Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar juga berkenan menjadi penaung kepada sistem wakaf ini dan prestasi Wakaf Mara Madani dilaporkan secara berkala kepada Majlis Raja-Raja Melayu,” katanya.

Anwar berkata, inisiatif lain ialah meluluskan dana permulaan RM1 bilion bagi melahirkan usahawan baharu dalam kalangan bumiputera.

Kata Perdana Menteri, kerajaan turut bersetuju melanjutkan potongan cukai bagi wakaf berasaskan saham seperti Wakaf ASNB dan Waqaf An-Nur di bawah Johor Corp.

Selain itu, Skim Perumahan Madani disediakan di tanah rizab Melayu dengan sasaran membangunkan 2,500 unit ru-

mah mampu milik.

“Kerajaan juga akan memas-tikan pemilikan sejumlah 200 ekar tanah kerajaan, termasuk 50 ekar tanah di Bandar Malaysia kekal dimiliki orang Melayu bagi menjamin ketersediaan perumahan mampu milik untuk Melayu supaya kekal di kawasan pusat bandar,” katanya.

Sebagai tambahan kepada menyokong institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) tempatan, beliau berkata, kerajaan dengan kerjasama GLIC, GLC serta badan-badan swasta terpilih memberi komitmen melatih 100,000 pelatih dalam tempoh lima tahun termasuk menyediakan tawaran pekerjaan dengan sasaran gaji sekurang-kurangnya RM3,500 sebulan.

Beliau berkata, kerajaan juga akan mengkhususkan dana pembiayaan kredit mikro bumiputera sehingga RM1 bilion melalui institusi Kewangan Pembangunan seperti BSN, Agrobank, dan TEKUN Nasional.

Sementara itu, Anwar berkata, kerajaan bersetuju mewujudkan Suruhanjaya Pekerja Gig bagi melindungi hak pekerja gig yang kini mencecah seramai 1.12 juta orang, terutama dari segi keperluan perlindungan sosial, pertikaian kontrak serta kemajuan kerjaya.

Bagi mendukung pembangunan vendor tempatan pula, kata beliau, kerajaan menambah baik insentif cukai serta disediakan tabung geran padanan sebanyak RM100 juta bagi menggalakkan lebih banyak

syarikat swasta melaksanakan program pembangunan vendor.

“Usaha ini dijangka memanfaatkan sehingga 10,000 PMKS tempatan terutama usahawan bumiputera selain dibuka untuk membimbing misalnya PMKS kaum India,” katanya.

Jelasnya, bagi memartabat dan menyokong hasil seni pengusaha tempatan, bermula semalam semua jabatan dan agensi kerajaan serta GLC hanya dibenarkan membeli sebagai cenderung hasil seni yang diusahakan oleh pengusaha bumiputera.

Dalam pada itu, Anwar menggariskan tiga ketetapan pelan jangka panjang pemeraksanaan bumiputera bagi tempoh 10 tahun akan datang bermula tahun ini.

Perdana Menteri berkata, ia dicerakinkan selepas menerima kesemua intipati hasil daripada KEB 2024 yang berakhir semalam.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, agenda pemeraksanaan bumiputera ini wajar dilaksanakan melalui beberapa pemacu yang menjadi fokus utama yang agihkan kepada tiga isbat.

Katanya, antara isbat atau ketetapan itu termasuk memperkukuh pasak ekonomi negara iaitu memberi fokus kepada pemacu utama yang melibatkan usaha mengukuhkan daya saing, meningkatkan penskalaan dan mengekalkan pemilikan ekuiti, mencipta kekayaan, membangunkan bakat, meningkatkan pendapatan dan menamatkan kemiskinan.